

DM Dewan Masyarakat

ديوان مشاركة

Sosiobudaya • Politik • Ekonomi
BIL. 1 2015



BANJARAN EMAS CAMERON HIGHLANDS

Keluh-Kesah Politik 2014

TEMBOK BERLIN
KEMENANGAN BERAKHIR

Semenanjung Malaysia : RM5.50
Sabah/Sarawak : RM6.00
Brunei Darussalam : B\$5.50
Singapura : S\$5.50

KIK 001 98293 0115
ISSN 0419-0105



<http://dewanmasyarakat.dbp.my>



DBP

Hidup Biar Beradab

Sebagai tenaga akademik dan mantan aktivis dan pemimpin pelajar universiti, pastinya saya berfikir terbuka dalam soal mahasiswa dan idealisme perjuangan mereka. Bagi saya, universiti bukan sekadar tempat untuk mencapai segulung ijazah malah lebih daripada itu.

AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI

Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir,
Universiti Utara Malaysia.

Gedung ilmu merupakan medan pembentukan keperibadian insan yang holistik, berilmu, dan berpegang pada prinsip semakin tunduk semakin berisi.

Apabila mendapat panggilan daripada *Dewan Masyarakat (DM)* untuk mengulas isu semasa yang melibatkan seorang pemimpin pelajar yang kini ultra popularnya mengalahkan artis, saya terkesima. Adakah perlu saya menegur sesuatu yang beliau rasakan apa-apa yang beliau perjuangkan itu betul? Setelah diamati, saya mengambil keputusan adalah lebih baik saya biarkan sahaja perjuangan dan ideologinya kerana tidak mungkin kita dapat mencorakkan manusia menjadi satu warna dan rupa, tetapi yang penting adabnya.

Hakikatnya, manusia diciptakan berbeza-beza bukan sahaja daripada rupa paras serta sikap, tetapi manusia juga berbeza daripada sudut penerimaan dan pemikiran. Semuanya bergantung

pada satu, iaitu cara atau dari sudut manakah kita melihat sesuatu perkara itu.

Jangan tersalah persepsi terhadap penulisan ini. Hakikatnya, saya amat menggalakkan perbezaan pendapat, malah dalam Islam sendiri menegaskan khilaf pandangan itu sebagai suatu rahmat, namun apa-apa yang ingin saya sentuh adalah mengenai adab dan tatasusila dalam menyuarakan pandangan.

Ironinya, manusia akan sentiasa berbalah dalam apa-apa juga perkara. Kerana itulah kita dituntut untuk mengadakan mesyuarat mahupun perbincangan dengan tujuan supaya manusia dapat meluahkan pandangan masing-masing, iaitu berbalah dan berbincang untuk mencari pandangan terbaik bagi menghasilkan satu keputusan.

Setelah kesepakatan dicapai, maka tidak boleh lagi untuk kita berbalah, bahkan dituntut supaya melaksanakan

keputusan tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi sirah Nabi SAW ketika Baginda bermesyuarat bersama-sama sahabat dalam merangka strategi terbaik untuk menghadapi peperangan Uhud.

Walaupun keputusan yang diambil tidak selari dengan fikrah Baginda, tetapi Rasulullah menghormati keputusan majoriti yang dicapai dalam mesyuarat dan melaksanakannya tanpa mempertikaikan ketetapan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa berbalah dibolehkan dalam mesyuarat dengan tujuan mencari pendapat yang terbaik. Walau bagaimanapun, setelah keputusan dicapai, maka kesemua ahli mesyuarat wajib melaksanakan keputusan mesyuarat tersebut. Jika ada pertikaian atau tidak puas hati, maka hal itu perlu ditimbulkan dan diselesaikan dalam mesyuarat juga, tidak boleh melalui cara yang lain, seperti bersembang di kedai kopi, blog, sidang media, twitter apatah lagi jika dengan mengadakan himpunan.



Hal ini sama seperti isu penganjuran rapat umum yang melibatkan Ketua Pembangkang Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Universiti Malaya. Banyak rakan majlis perwakilan pelajar mengatakan bahawa secara majoriti mereka tidak bersetuju dengan majlis tersebut, begitu juga sebaliknya. Tanpa ada perbincangan, akhirnya perhimpunan tersebut menjadi tegang dan seolah-olah tidak ada jalan yang terbaik untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sebagai seorang bakal pemimpin, adab ketika bertutur harus dijaga apatah lagi adab ketika menulis sesuatu. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

"Orang mukmin bukan seorang pencela, bukan seorang pengutuk, bukan seorang yang keji, dan bukan seorang yang berkata kotor."

Cara berkomunikasi yang paling beradab ialah pemilihan perkataan yang elok dan bersopan. Al-Quran sendiri

menggunakan ungkapan ahli kitab kepada orang Yahudi dan Nasrani dan bukannya mencela atau memanggilnya dengan perkataan yang hina.

Ketika ini, banyak ilmuwan yang berdebat seolah-olah mereka bukan menggunakan mata pena, tetapi menggunakan mata pedang. Meskipun dalam hal yang dianggap mudah untuk diselesaikan.

Perbincangan sepatutnya diadakan dalam suasana yang tenang dan harmoni. Hakikatnya, perkataan yang keras dan kesat tidak memberikan sebarang faedah. Walaupun mereka mengatakan bahawa perbezaan pendapat tidak membawa kepada permusuhan, tetapi itu hanya kepada mereka yang berdialog dengan cara yang beradab.

Sebarang komunikasi yang keras dan kesat tetap melukakan hati walaupun dilontarkan dengan penyuman. Golongan pemimpin dan ahli fikir perlu mengambil berat perkara ini semasa memberikan komen

terhadap kumpulan atau golongan yang berbeza pendapat. Sebenarnya, dalam menyampaikan pendapat atau ingin mempertikaikan pendapat orang lain, tidak perlu menggunakan kata-kata yang kesat dan menyakitkan hati, mengungkapkan perkataan yang tidak membawa kegembiraan, dan perkataan yang tidak menyatukan.

Perkataan tersebut tidak sepatutnya digunakan kerana Rasulullah SAW sering mengingatkan umatnya bahawa permudahkanlah, jangan susahkan.

Surah Hud 11 : 118 dan 119 yang bermaksud:

"Jikalau Tuhan mu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat. Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhan mu. Maka, untuk itulah Allah menciptakan mereka. Kalimat Tuhan mu (keputusanNya) telah ditetapkan: sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan jin dan manusia (yang derhaka) semuanya."

Perselisihan pendapat dan perbezaan pandangan adalah lumrah kejadian Allah. Namun begitu, hal ini tidak bermakna Allah menyuruh hambanya sentiasa berbalah, sebaliknya Allah memerintahkan hambanya untuk bersatu atas kebenaran. Yang penting dalam setiap tingkah laku, kita mestilah beradab. Kalau hendak masuk ke rumah orang, kita harus memberikan salam, ajaran Islam mudah, jika salam tidak disambut selepas tiga kali mengucapkannya, maknanya kedatangan kita tidak diterima, maka janganlah kerana berasa ego, peraturan diketepikan, merempuh pagar bukan jawabannya.

Pada masa yang sama adakah perlu kita mempertahankan sesuatu yang kaedahnya salah? Ketepikan "matlamat menghalalkan cara", iaitu teori yang dipopularkan oleh Niccolò Machiavelli dalam bukunya, *The Prince*, kerana budaya kita tidak mungkin sama dengan budaya tanpa agama. **DA**

